

# PERTANYAAN TENTANG TUHAN

## “Mengapa Tuhan menciptakan kita?”

Semua orang akan mengakui bahawa bahagian tubuh kita, seperti mata, telinga, otak dan hati, mempunyai tujuan. Bukankah masuk akal bahawa individu, secara keseluruhan, juga mempunyai tujuan? Tuhan, Yang Maha Bijaksana, tidak menciptakan kita sekadar hidup tanpa tujuan atau hanya memenuhi naluri dan keinginan kita. Sebaliknya, Tuhan memberikan kehidupan ini sebagai ujian. Setiap orang sedang diuji siapa yang akan memilih untuk mengakui Tuhan dan mengikuti petunjuk-Nya. Tuhan berkata:

*“Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia... serta Kami tetap mengujinya; oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya jalan sama ada ia bersyukur ataupun kufur.” - Quran 76:2-3*

Bagi kebanyakan orang, isu sebenarnya bukanlah tentang beriman kepada Allah, tetapi kesan beriman kepada-Nya. Maksudnya, seseorang itu dipertanggungjawabkan dengan apa yang dilakukannya, yang mungkin tidak menyenangkan bagi kehidupan. Maka, ujian hidup berkaitan dengan mematuhi dan merendahkan diri kepada Allah melebihi keinginan kita sendiri.

## “Mengapa Allah perlu menguji kita?”

Allah tidak memerlukan apa-apa. Dia tidak perlu menciptakan apa-apa dan tidak perlu menguji sesiapa pun. Allah tidak akan terjejas sama ada kita beriman atau tidak. Sebaliknya, Allah menciptakan dan memberi kita peluang untuk mengenali-Nya adalah sebahagian daripada kebijaksanaan-Nya. Tuhan sudah mengetahui masa depan. Namun, kita diberi peluang untuk membuat pilihan kita sendiri.

## “Adakah kita sebenarnya mempunyai pilihan?”

Hakikat bahawa Allah mengetahui pilihan kita tidak membuatkan kita terikat dalam membuat pilihan. Jika Allah menghendaki, Dia dapat membimbing semua manusia, kerana Dia mempunyai kuasa atas segalanya. Tetapi melalui kebijaksanaan-Nya, manusia diberi pilihan dan kita bertanggungjawab ke atasnya. Allah tidak semestinya suka dengan segala yang Dia kehendaki.

## “Mengapa Allah tidak menunjukkan dirinya secara langsung?”

Allah memilih untuk membuat diri-Nya dikenali melalui tanda-Nya sahaja. Inilah sebahagian daripada ujian kehidupan. Allah telah mengurniakan kebolehan kepada kita untuk mengakui kebesaran-Nya. Ini bermakna bahawa hanya mereka yang ikhlas dan berfikir dengan mendalam akan mengenali dan beriman kepada-Nya.

## “Mengapa adanya penderitaan di dunia ini?”

Hakikat bahawa setiap manusia diuji dengan pelbagai ujian yang berbeza tidak menafikan kewujudan Allah mahupun bercanggah dengan sifat Maha Kuasa Allah. Sebaliknya, Allah membenarkan kebaikan serta keburukan terjadi sebagai ujian. Kita tidak mampu mengawal apa yang berlaku kepada kita, tetapi kita mampu mengawal reaksi kita, yang nanti akan dihakimi oleh-Nya. Dunia ini tidak menentu dan bersifat sementara, namun keadilan di akhirat akan mengimbangi ketidakadilan di dunia ini.

## “Mengapa Allah menghukum manusia?”

Tiada siapa yang boleh membantah konsep hukuman, yang diperlukan untuk keadilan. Tuhan telah memberikan kita pilihan, dan seterusnya, bertanggungjawab dengan pilihan tersebut. Mereka yang ikhlas mematuhi perintah Allah akan memperoleh rahmat Allah dan masuk syurga. Namun, mereka yang tidak peduli tentang tujuan hidup dan menafikan adanya Tuhan, mereka sudah membuat pilihan dan akan dipertanggungjawabkan kelak. Allah tidak menciptakan manusia untuk menghukum mereka, sebaliknya mengasihinya mereka. Walaupun Allah tahu tentang pilihan kita tidak menjadikan pilihan kita sebagai suatu paksaan atau membuat kita terlepas dari pertanggungjawaban.

Islam adalah agama yang praktikal yang menggalakkan keseimbangan antara harapan dalam belas kasihan Tuhan dan rasa takut terhadap hukuman-Nya. Kedua-duanya diperlukan untuk menjalani kehidupan yang positif dan rendah diri. Allah adalah Maha Penyayang tetapi juga Maha Mengadili. Sekiranya tidak ada hari akhirat, ia akan bertentangan dengan keadilan Allah yang sempurna, dan kehidupan akan menjadi tidak adil.

# KESIMPULAN

Adakah kita di sini hidup selama bertahun-tahun tanpa ada makna? Atau ada yang lebih penting daripada sekadar hidup? Adakah kita cuma primata tanpa ada tujuan yang jelas? Adakah kita cuma makhluk hidup yang hanya terbatas kepada keperluan fizik, atau adakah kita juga mempunyai keperluan spiritual?

Bagi mereka yang masih ragu-ragu tentang Tuhan, kami menasihatkan mereka untuk berkata kepada diri:

**“Tuhan, jika Anda wujud, berilah aku petunjuk.”** Anda akan terkejut dengan hasilnya nanti.

### Untuk Maklumat & Siri-siri Lanjut Risalah ini

p (+61) 3 9309-1515 w [islamicpamphlets.com](http://islamicpamphlets.com) e [shareislam@gmail.com](mailto:shareislam@gmail.com)

Butiran Sumbangan (Setiap \$1 AUD = 15 risalah)

Nama Bank Commonwealth Bank Akaun Pamphlet Project Australia  
BSB 063620 Account 10532332 Swift (international) CTBAU2S

# APAKAH PANDANGAN ISLAM TERHADAP ATEISME?



*“Kami (Allah) akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di segenap penjuru dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa Al-Quran itu adalah benar.”*

Quran 41:53

pelajari  
asasnya

[islamicpamphlets.com](http://islamicpamphlets.com)

Risalah ini menerangkan perspektif Islam tentang kepercayaan kepada Tuhan. Ia menerangkan tanda-tanda kewujudan-Nya; melalui penciptaan alam semula jadi dan melalui wahyu, serta menjawab pertanyaan yang sering dikemukakan oleh ateis.

Tuhan menyeru kita mengakui kebesaran-Nya melalui tanda-tanda-Nya, mengagumi dan merenung tanda-tanda tersebut dalam usaha untuk mengenali-Nya. Tidak semua orang dapat menerima kenyataan ini dan mengatakan tanda-tanda itu terjadi secara kebetulan. Tuhan telah mengurniakan pada setiap insan, kecenderungan untuk beriman, namun kecenderungan ini dapat dipupuk atau ditekan.

Yang penting, Tuhan membimbing orang yang ikhlas dan bersedia menerima petunjuk-Nya. Dalam kata lain, mereka yang tidak mahu percaya kepada Tuhan tidak akan diberi petunjuk. Allah berfirman, **“Dan memberi petunjuk ke jalan agamaNya, sesiapa yang rujuk kepadaNya.”** Quran 13:27

Ini memerlukan objektiviti dan sikap adil terhadap kewujudan Tuhan, yang mungkin agak merendahkan diri bagi sesetengah orang, tetapi tanpa keterbukaan dan kesediaan yang sebenarnya, tidak ada pengetahuan yang dapat membuat seseorang

beriman. Malah, Tuhan memberi amaran kepada kita bahawa mereka yang mendekati tanda-Nya untuk mempamerkan kesombongan hanya akan menemui kebuntuan.

Oleh itu, kami berharap mereka yang ikhlas, berfikiran terbuka dan tulus mencari kebenaran boleh mendapat manfaat daripada risalah ini dalam membantu memberikan perspektif baru untuk memahami Tuhan.

## SEBAB-SEBAB UNTUK BERIMAN

Berikut adalah tiga sebab yang rasional untuk beriman kepada satu pencipta.

### 1. Permulaan Alam Semesta

**Bukti pertama yang menunjukkan kewujudan Pencipta berkaitan dengan pemahaman tentang asal-usul alam semesta.** Bayangkan anda berjalan di padang pasir mencari seutas jam tangan. Kita tahu jam tangan terdiri daripada kaca, plastik dan logam. Kaca berasal dari pasir, plastik dari minyak, dan logam diekstrak dari tanah - Adakah anda percaya jika jam tangan itu terbentuk dengan sendirinya? Di mana setelah berjuta-juta tahun jam tangan tersebut terbentuk dengan sendirinya secara kebetulan?

*“Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau mereka yang mencipta diri mereka sendiri?”*

Quran 52:35

Berdasarkan sains moden, alam semesta adalah terbatas dan mempunyai permulaan. Dari manakah alam semesta muncul? Pengalaman manusia dan logik akal memberitahu kita bahawa sesuatu yang mempunyai permulaan tidak mungkin menciptakan dirinya sendiri. Oleh itu, penjelasan yang paling rasional ialah Tuhan menciptakan alam semesta ini dan sudah pasti berkuasa dan bijaksana kerana dapat membawa seluruh alam semesta menjadi kenyataan dan mewujudkan ‘hukum sains’ yang menaunginya. Tuhan tidak terikat dengan ruang kerana masa, ruang dan jisim bermula pada penciptaan alam semesta. Semua alasan ini membentuk konsep asas Tuhan, pencipta alam semesta.

Mungkin ada yang bertanya, **“Siapa yang menciptakan Tuhan?”** Tuhan, Maha Pencipta, berbeza dengan makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Tidak seperti alam semesta dan penciptaan lainnya, Tuhan Maha Kekal, sentiasa wujud dan tidak memiliki permulaan.

### 2. Kesempurnaan Alam Semesta

**Bukti kedua adanya pencipta adalah keteraturan dan keseimbangan sempurna alam semesta yang kompleks. Bolehkah sebuah alam semesta kompleks yang besar terbentuk secara kebetulan, tanpa pengawasan?**

Banyak ciri-ciri alam semesta jelas menunjukkan ia direka khusus untuk menampung kehidupan, seperti jarak bumi dari matahari; ketebalan kerak bumi; kelajuan bumi berputar; peratusan oksigen di atmosfera; dan juga kecondongan bumi. Sekiranya pengukuran ini sedikit berbeza dengan yang ada sekarang, kehidupan tidak dapat wujud.

Begitulah juga jam tangan mempunyai pencipta untuk memastikan masa yang tepat, bumi mempunyai pencipta untuk memastikan masa yang tepat. Adakah ini semua kebetulan?

Setelah kita melihat aturan, undang-undang dan sistem yang tepat di dalam diri kita dan seluruh alam semesta, adakah masih tidak masuk akal wujudnya Perancang? ‘Perancang’ inilah yang menunjukkan wujudnya Tuhan - yang mengawal aturan ini.

Harus diperhatikan bahawa Islam menggalakkan penyelidikan sains dan refleksi. Sains membantu kita menerangkan hasil pemerhatian pada ciptaan-Nya, menghargai ketinggian kuasa dan kebijaksanaan-Nya. Kemajuan penemuan saintifik, sama seperti mana-mana mekanisme atau proses yang kita dapati di dunia semula jadi, seperti kitaran air atau graviti - menunjukkan kewujudan Pencipta, bukan penyangkalan terhadap Tuhan.

### 3. Wahyu daripada Tuhan

**Bukti ketiga adalah wahyu yang hakiki yang telah diberikan oleh Allah kepada manusia sebagai tanda kewujudan-Nya.**

Salah satu tujuan utama turunnya Al-Quran adalah untuk mengajak manusia merenung dan menghargai ciptaan Allah sebagai cara untuk percaya kepada-Nya. Melalui Al-Quran, Allah memanggil kita untuk memperhatikan reka bentuk-Nya dan kerumitan yang luar biasa di alam semesta dan dalam diri kita, yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa kita adalah hasil reka bentuk, tujuan dan kepintaran. Tuhan berfirman:

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.” - Quran 2:164*

Tambahan pula, terdapat tanda-tanda jelas bahawa Al-Quran adalah firman Allah.

**Al-Quran:**

- Bebas daripada kesalahan atau percanggahan.
- Terpelihara, kata demi kata, sejak turunnya wahyu dalam bahasa Arab yang asli, tidak seperti kitab suci lain.
- Mempunyai mesej yang mudah diterima, tulen, dan sejagat yang mendekati dengan daya intelek dan kepercayaan sedia ada tentang Allah yang Maha Besar.
- Berusia lebih 1400 tahun dan memiliki banyak fakta saintifik yang belum diketahui oleh manusia pada masa penurunannya dan baru sahaja ditemui oleh saintis. Contohnya : air sebagai dasar semua benda hidup (Quran 21:30); alam semesta yang berkembang (Quran 51:47); serta orbit matahari dan bulan (Quran 21:33).
- Mengandungi banyak fakta sejarah yang tidak diketahui oleh orang-orang pada masa itu dan banyak ramalan, yang telah terbukti benar.
- Telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang dikenal sebagai buta huruf, namun mengandungi gaya bahasa yang unik yang secara umum dikenali sebagai puncak kefasihan bahasa Arab dan keindahan linguistik.

Penjelasan yang paling rasional untuk banyak aspek unik dan ajaib Al-Quran ialah ia hanya dari Tuhan.

*Disebabkan oleh perbezaan yang ketara antara Islam dan Kristian, kritikan-kritikan terhadap agama Kristian tidak berlaku kepada Islam.*

*Al-Quran dibafal dari kulit ke kulit oleh jutaan manusia.*